

D.R. 43/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 —

(a) dengan memasukkan selepas takrif "Kawasan Pembangunan Bersama" takrif yang berikut:

' "ketetapan kastam" ertinya ketetapan kastam yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 6B; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "Tioman" takrif yang berikut:

' "Tribunal Rayuan Kastam" ertinya Tribunal Rayuan Kastam yang ditubuhkan di bawah seksyen 141B Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]:.

Bahagian IIA baru

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IIA

KETETAPAN KASTAM

Permohonan untuk ketetapan kastam

6A. (1) Mana-mana orang boleh memohon, di dalam borang yang ditetapkan beserta dengan fi yang ditetapkan, kepada Ketua Pengarah bagi suatu ketetapan kastam berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) penentuan perkhidmatan bercukai;
- (b) prinsip-prinsip yang diguna pakai bagi maksud penentuan nilai sesuatu perkhidmatan; atau
- (c) apa-apa perkara lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum sesuatu perkhidmatan disediakan atau pada bila-bila masa kemudian, jika Ketua Pengarah atas budi bicaranya membenarkan.

(3) Pemohon boleh menarik balik permohonannya pada bila-bila masa sebelum sesuatu ketetapan kastam dibuat dan apa-apa bayaran yang dibuat yang berhubungan dengan permohonan bagi ketetapan kastam itu hendaklah dilucut hak oleh Ketua Pengarah.

Pembuatan ketetapan kastam

6B. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah membuat ketetapan kastam berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 6A dan ketetapan yang sedemikian hendaklah mengikat pemohon itu.

(2) Apa-apa ketetapan kastam boleh tertakluk kepada syarat yang Ketua Pengarah sifatkannya patut dikenakan.

(3) Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan kastam jika, pada pendapatnya—

- (a) maklumat yang diberi oleh pemohon tidak mencukupi untuk berbuat demikian;
- (b) permohonan itu adalah bagi suatu keadaan andaian; atau
- (c) suatu rayuan di bawah Akta ini yang melibatkan hal perkara yang dirujuk dalam permohonan itu masih belum selesai.

Pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan ketetapan kastam

6c. (1) Sesuatu ketetapan kastam boleh dipinda, diubah suai atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah jika—

- (a) ia mengandungi suatu kesilapan yang perlu dibetulkan;
- (b) ketetapan kastam itu diasaskan kepada kesilapan fakta atau perundangan;
- (c) terdapat perubahan dalam perundangan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan; atau
- (d) terdapat perubahan dalam fakta utama atau keadaan yang menjadi asas ketetapan itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, sebaik sahaja selepas membuat pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu, memberi notis secara bertulis kepada pemohon mengenai pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu dan, tertakluk kepada subseksyen (3), ketetapan yang dipinda, diubah suai atau dibatalkan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika sesuatu ketetapan kastam mempunyai kesan menyebabkan atau menaikkan

apa-apa liabiiti cukai yang dikenakan dengan mana-mana perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan diberi menurut suatu kontrak mengikat yang dibuat sebelum tarikh itu, maka ketetapan kastam yang telah dibuat sebelum pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan di bawah seksyen ini hendaklah terpakai bagi perkhidmatan sedemikian.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), dan tertakluk kepada seksyen 21, jika pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan sesuatu ketetapan kastam mempunyai kesan menurunkan apa-apa liabiiti cukai dikenakan dengan apa-apa perkhidmatan, apa-apa cukai yang lebih tinggi yang telah dibayar hendaklah dikira seolah-olah ia telah dibayar dengan khilaf.

Ketua Pengarah mengisytiharkan ketetapan sebagai batal, dsb.

6D. Ketua Pengarah hendaklah melalui notis mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam yang dibuat di bawah seksyen 6B sebagai batal, tak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu telah diperolehi oleh pemohon secara fraud, salah nyataan atau pemalsuan fakta.

Penerimaan dua ketetapan kastam

6E. Jika seseorang pemohon menerima dua atau lebih ketetapan kastam yang berbeza mengenai hal perkara yang sama, ketetapan yang sedemikian hendaklah disifatkan sebagai batal dan tak sah serta pemohon sedemikian hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah yang hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu, mengeluarkan suatu ketetapan kastam yang baru."

Seksyen baru 7B

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7A seksyen yang berikut:

"Perakuan di bawah seksyen 6B boleh diterima

7B. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau rukun keterangan yang berlawanan, jika dalam mana-mana prosiding

suatu dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan keputusan yang dibuat olehnya di bawah seksyen 6B dikemukakan, dokumen sedemikian hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah diterima sebagai keterangan yang mencukupi bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya dan Ketua Pengarah tidak boleh dikehendaki untuk memberikan keterangan berkenaan dengan keputusan itu melainkan jika mahkamah memerintahkan sebaliknya."

Pindaan seksyen 41

5. Seksyen 41 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (*cd*) perenggan yang berikut:

- "(*ce*) pengendalian semua perkara yang berhubungan dengan ketetapan kastam;
- (*cf*) fi yang berhubungan dengan ketetapan kastam dan cara pungutan dan bayaran fi yang sedemikian;
- (*eg*) borang yang digunakan bagi maksud ketetapan kastam;"

Pindaan seksyen 50

6. Seksyen 50 Akta ibu dipinda—

- (*a*) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah boleh, kecuali dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun, dalam tempoh tiga puluh hari diberitahu mengenai keputusan yang sedemikian secara bertulis, merayu kepada Tribunal Rayuan Kastam yang keputusannya adalah muktamad."; dan

- (*b*) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Semua peruntukan yang berhubungan dengan Tribunal Rayuan Kastam hendaklah terpakai bagi Akta ini."

Kecualian dan peralihan

7. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 3 Akta ini, mana-mana ketetapan kastam yang dibuat oleh Ketua Pengarah sebelum berkuatkuasanya seksyen itu, adalah disifatkan telah dibuat di bawah seksyen itu dan sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh kuat kuasanya seksyen itu.

(2) Mana-mana rayuan di bawah perenggan 50(2)(a) Akta ibu kepada mahkamah yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan dan masih belum selesai pada tarikh yang sedemikian hendaklah, selepas tarikh yang ditetapkan, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Mana-mana rayuan di bawah perenggan 50(2)(b) Akta ibu kepada Menteri yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan dan masih belum selesai pada tarikh yang sedemikian hendaklah, selepas tarikh ditetapkan, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Bagi maksud subseksyen (2) dan (3), "tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ("Akta 151").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 151 bagi memasukkan takrif "ketetapan kastam" dan "Tribunal Rayuan Kastam" ke dalam seksyen itu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru 11A ke dalam Akta 151 bagi memperuntukkan tentang permohonan bagi ketetapan kastam, pembuatan ketetapan itu dan pemakaiannya. *Fasal* ini membenarkan Ketua Pengarah meminda, mengubah suai atau membatalkan sesuatu ketetapan kastam. Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu ketetapan kastam itu sebagai batal, tak sah dan tiada kesan jika ketetapan itu diperoleh secara fraud, salah nyataan atau pemalsuan fakta. Seseorang pemohon tidak dibenarkan untuk memegang dua atau lebih ketetapan kastam bagi hal perkara yang sama.

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 7B ke dalam Akta 151 bagi menjadikan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berhubungan dengan ketetapan kastam hendaklah diterima sebagai keterangan.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 41 Akta 151 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan ketetapan kastam.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta 151 bagi membolehkan mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan Ketua Pengarah, selain keputusan yang berhubungan dengan kompaun, merayu kepada Tribunal.
8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2561]